

Panduan Membuat Ebook Team Gempaq



Panduan ini ditulis untuk kegunaan semua yang masih belum tahu bagaimana sesebuah ebook di tulis.

Dan yang saya yakin adalah kebanyakan antara kita mempunyai kemahiran menulis, tapi masih samar bagaimana anda boleh publishkannya dalam bentuk PDF.

Ebook ini adalah percuma, tidak boleh dijual dan anda boleh memberikannya secara percuma.

Ebook ini ditulis dengan bahasa yang mudah... atau lebih mudah didalam bahasa pasar yang selamber dan bersahaja. Jadi sebarang kesilapan struktur ayat dan ejaan diharap dapat dimaafkan.

Panduan Membuat Ebook Team Gempaq

Baiklah tanpa membuang masa saya akan tunjukkan kepada anda cara bagaimana untuk memulakan proses sesuatu ebook di reka.

Pertama sekali pastikan computer anda dilengkapi dengan beberapa software.

1. Microsoft Office – Words
2. PDF Primo
3. Adobe Photoshop CS2 atau sebarang bentuk Picture Editing Software. Saya gunakan Photo-Brush.
4. Acrobat Reader
5. Screen Shoot-it
6. Scott's Box Shot Maker 2.0

Ini adalah program yang saya gunakan untuk menghasilkan ebook skaligus untuk membuat cover ebook tersebut.

Langkah pertama – Tulisan @ Idea @ Niche

Langkah kedua – Mula menulis

Langkah Ketiga – Memasukkan gambar

Langkah Keempat – Publishkan ke format PDF

Langkah Kelima – Mereka cover ebook

Langkah Keenam – Jualkan @ Bagi free saja
















Download semua software ini disini.

<http://www.box.net/public/a54hf5zu8u>

Panduan Membuat Ebook Team Gempaq

Panduan Ebook

Sort by: [Date](#) [Name](#) [Size](#) [change view](#)

	Primo Dan Adobe.txt	Feb 27, 2007	201 bytes	
	10-GoogleSteps.exe	Feb 27, 2007	935.9 KB	
	softwareebookcover.zip	Feb 27, 2007	926.6 KB	
	SuperAdsenseTheme.zip	Feb 27, 2007	428.9 KB	
	rssautosubmit.zip	Feb 27, 2007	1.8 KB	
	wp-autoblog.zip	Feb 27, 2007	25.2 KB	
	screenshoot.zip	Feb 27, 2007	446.9 KB	
	pbrush351.exe	Feb 27, 2007	5.3 MB	

Screen Shot Bonus yang akan diberikan.

Panduan Membuat Ebook Team Gempaq

Langkah Pertama – Pastikan anda telah download semua software yang telah diberikan secara percuma, kemudian barulah anda lakukan proses pertama ini.

Sila pastikan yang anda telah benar benar bersedia dan faham apakah topic penulisan anda ini nanti. Kebanyakan orang suka menulis sesuatu yang berkaitan internet marketing. Anda tidak semestinya melakukan perkara yang sama. Anda boleh menulis sesuatu yang anda minat atau sebarang report atau artikel yang boleh anda edarkan nanti.


Langkah Kedua – Mula menulis... anda akan gunakan Microsoft words untuk tujuan ini, pastikan anda telah melakukan kaji selidik tentang topic yang hendak anda tulis. Seeloknya anda adalah seorang yang pakar tentang sesuatu bidang.

Sebagai contoh... anda adalah seorang jurugambar professional... anda tahu bagai mana untuk menghasilkan gambar yang cantik dan mencari angle yang sesuai untuk menangkap gambar yang berkualiti. Maka anda perlu menyediakan sebuah ebook yang padat tentang info info berkaitan cara mengambil gambar, cara editing gambar, cara menjaga camera, tips membeli camera dan sebagainya.

Jika dilihat kelas menjadi photographer memerlukan anda untuk bayar pada harga yang sangat mahal. Ianya mencecah ribuan ringgit.. jadi mengapa anda tidak jadikan sebagai buku panduan berkaitan mengambil gambar sebagai sesuatu yang boleh dijual?

Panduan Membuat Ebook Team Gempaq

Langkah ketiga – memasukkan gambar... sebagai contoh anda menulis tentang bagai mana untuk join google adsense. Tentunya anda perlu menulis ebook yang mempunyai banyak gambar bukan. Maka screen shoot-it adalah jawapannya.



Software ini memberi anda peluang untuk mengambil gambar pada tempat yang anda sukai.. anda boleh pilih mode entire screen, active windows atau selection. Jika selection maka anda boleh mengambil gambar pada tempat pilihan anda sahaja.

Langkah keempat – publish keformat PDF, ini lah bahagian terpenting dalam penghasilan ebook. Software yang diperlukan adalah primo pdf.




Setelah anda install kan primo ini pastikan anda pergi ke bahagian menu start computer → Printer & Faxes. Kemudian akan keluar seperti image dibawah



Pastikan anda telah set kan primo pdf sebagai default printer.


Panduan Membuat Ebook Team Gempaq

Setelah selesai anda menulis ebook tersebut dan telah memasukkan gambar anda bolehlah cuba untuk convert ke format pdf. Mudah sahaja pergi pada menu file dan tekan print.... Maka kotak seperti dibawah akan terhasil




Jika dilihat pada printer name, PrimoPDF adalah sebagai default printer. Apa yang harus anda lakukan adalah tekan ok sahaja. Kemudian tunggu beberapa saat dan sebuah screen akan keluar.

Panduan Membuat Ebook Team Gempaq



Sebelum anda tekan ok.. anda boleh tekan dulu pada butang Document Properties


Panduan Membuat Ebook Team Gempaq



Masukkan detail seperti diatas.

Kemudian pergi pula pada butang security dan paparan seperti dibawah akan keluar.

Panduan Membuat Ebook Team Gempaq




Pada setting diatas anda membenarkan sesiapa sahaja untuk print panduan anda dan memasukkan komen. Tetapi tidak dibenarkan untuk melakukan copy dan paste hasil tulisan anda.

Seterusnya kita akan tekan pula butang option....


Seperti image dibawah dapat dilihat setting untuk setiap kali anda cuba convert kan ke format ini.. maka inilah bentuk setting yang akan keluar. Jadi anda perlu tukar setiap kali anda mahu publish kan ebook yang baru.

Panduan Membuat Ebook Team Gempaq



Seterusnya anda perlu tekan ok setelah menetapkan setting yang sama untuk ebook anda yang seterusnya.

Sekarang langkah untuk save kan pdf anda ini.....




Jika anda ingin savekan dalam folder lain sila click pada butang yang mempunyai 3 titik itu...

Dan cari kedalam folder yang mahu anda simpan. Selepas itu click pada ok. Dan anda akan mendapat ebook anda dalam file pdf. Pastikan computer anda telah diinstall dengan acrobat atau adobe reader.



Panduan Membuat Ebook Team Gempaq



Langkah kelima – membuat cover ebook tersebut. Anda hendaklah buka software photo-brush.



Jika dilihat pada image diatas ada satu bulatan merah yang mana pada symbol open file. Kita akan open file sample yang terdapat dalam computer anda setelah anda installkan scott box. Kebiasaannya ianya terdapat dalam program file → scott box → sample. Kemudian right click pada page paparan tersebut dan anda pilih view → thumbnails.

Panduan Membuat Ebook Team Gempaq


Kemudiannya akan terpapar seperti berikut.



Kemudiannya pada langkah seterusnya kita akan pilih pada image yang akan dijadikan front page ebook anda nanti. Sekiranya anda scroll kebawah terdapat satu lagi image yang agak slim dari image diatas. Tetapi kita akan gunakan image yang berwarna biru. Tujuannya kita

Panduan Membuat Ebook Team Gempaq

berbuat seperti ini adalah kerana kita, saya, atau anda tidak pasti ukuran untuk sesebuah ebook. Maka contoh yang ada telah siap dengan ukurannya.




Kita akan memilih image yang berwarna biru tersebut. Seperti yang tertera pada ruangan preview dan seterusnya click ok.



Kemudian screen akan terpapar seperti ini dan anda boleh mula mengedit image tersebut. Sama ada anda mahu melakukan beberapa

Panduan Membuat Ebook Team Gempaq

perkara seperti contend contend terlebih dahulu bagi menguji software ini, ianya adalah terpujang. Saya juga biasa melakukannya dulu untuk membiasakan diri. Pada saya tak perlu takut takut kerana trial and error adalah rakan terbaik untuk kita.



Panduan Membuat Ebook Team Gempaq



Anda boleh mencuba untuk gunakan tools ini untuk mencuba sendiri betapa mudahnya untuk menghasilkannya.

Sekarang saya akan ajak anda untuk ambil salah satu tools kesukaan saya iaitu airbrush dan pilih pada image dibawah.



jika anda lihat pada bahagian No Texture bertanda pangkah itu, di bawahnya ada beberapa jenis base warna yang boleh anda pilih dan ada diantaranya dalam bentuk image... sekarang anda boleh pilih mana mana image yang anda perlukan dan brushkan saja pada kawasan image yang anda perlukan... anda boleh memilih beberapa paduan image untuk di spray pada permukaan tersebut.

Panduan Membuat Ebook Team Gempaq




Ini adalah motif image yang telah saya pilih... seterusnya saya akan tambahkan sedikit dengan efek efek khas keatasnya. Anda boleh menggunakan tools pada page ketiga seperti yang di ruangan effect



Sekarang image yang terhasil lebih cantik. Pada saya bolehlah... mungkin anda boleh buat lebih baik dari saya. Kemudian kita akan masukkan text pada image ini.

Panduan Membuat Ebook Team Gempaq



Pada bahagian seperti image ini anda boleh lihat contoh **Aa** seperti diatas. Pada gambar dibawah anda dapat lihat tempat untuk anda masukkan text. Dari sini anda taipkan tajuk ebook anda dan sebagainya.




Panduan Membuat Ebook Team Gempaq



Ini adalah contoh yang telah saya buat setelah memasukkan tajuk panduan dan tukar warna tulisan. Anda juga boleh masukkan motif motif lain dan meletakkan url laman web anda di depannya. Sekarang kita akan cuba untuk membuat side box untuk cover ebook ini.

Anda boleh save as kan dulu front page ebook ini. Kemudian melalui cara yang sama kita akan cuba membuat side cover ebook ini. Anda boleh mencuba untu membuat 2 side atau 3 side ebook ini. Kebiasaannya image yang sama digunakan untuk kedua dua bahagian side ini. Disini saya akan tunjukkan sekali lagi untuk anda fahami. Dimulakan dengan file open → c drive (atau any file yang menyimpan program file) → program file → Scott's Box Shot Maker 2.0 → sample → pilih image seperti dibawah.

Panduan Membuat Ebook Team Gempaq




Pilih pada image no dua seperti diatas iaitu yang melintang dan tekan open. Kemudiannya akan terlihat gambar tersebut dan anda boleh mengedit image tersebut. Pastikan warna tidak lari jauh seperti image front page ini nanti. Anda juga boleh terus masukkan ayat sendiri kemudiannya. Ulangi langkah yang sama seperti membuat front page tadi.

Panduan Membuat Ebook Team Gempaq



Ini adalah image side atas yang telah saya buat. Pastikan anda save kan image side ini dahulu. Kemudian right click pada image ini seperti contoh dibawah untuk dijadikan side tepi pula. Kemudian save kannya.



Seterusnya cover side atas akan menjadi cover site tepi seperti yang boleh dilihat pada hasil dibawah.

Panduan Membuat Ebook Team Gempaq



Ini akan terhasil sebagai cover side tepi. Seterusnya kita akan masuk bab seterusnya iaitu membuat reka bentuk cover ebook ini.


Kita akan buka software Scott's Box Shot Maker 2.0

Kemudiannya seperti image dibawah ikuti arahan berikut.




Pastikan anda memilih box shot style sebagai three side box. Kemudian tekan next.

Panduan Membuat Ebook Team Gempaq



Seperti image diatas tekan butan select front box image. Maka paparan seperti dibawah akan keluar.




Kemudian tekan open dan muka depan akan di pilih. Kemudian tekan next. Dan akan keluar paparan seterusnya. Seperti dibawah..



Panduan Membuat Ebook Team Gempaq

Anda perlu click pada select side box image.... Dan pilih pada image dalam file yang telah kita namakan sebagai side. Dan click next. Seterusnya keluar lagi paparan berikut



Yang mana disini meminta kita masukkan image dari yang dinamakan top kemudian tekan next. Akhirnya ianya akan siap seperti di bawah



Kemudiannya kita click pada finish dan save kan pada file yang dipilih.

Panduan Membuat Ebook Team Gempaq



Sekarang kita telah ada sebuah ebook yang telah siap terhasil bersama dengan covernya sekali. Dan ianya milik anda. Anda boleh jualkan atau berinya secara percuma.

Panduan Membuat Ebook Team Gempaq

Langkah keenam : setelah anda siapkan ebook anda tadi anda boleh menjulkannya kepada pasaran. Anda perlulah memahami beberapa syarat penulisan sesebuah ebook, pertama sekali tentukan sama ada ebook tersebut hendak diberi percuma atau berbayar. Jika percuma seperti ebook ini adalah contohnya. Tetapi jika anda mahukan ianya berbayar anda perlu menambah beberapa isi lain antaranya adalah seperti di bawah.

1. Ebook anda mestilah mempunyai isi kandungan
2. Mesti mempunyai notis perundangan
3. Notis hakcipta
4. Pengenalan atau objektif penulisan
5. hak jual semula atau tidak yang mana lebih dikenali sebagai Resell Right

Contoh : Ebook saya yang dihasilkan secara serius

<http://www.box.net/public/63300rc3ye>

Anda semestinya mahir menggunakan computer dan juga mempunyai hosting sendiri bagi membolehkan anda membuat sebuah laman web berbentuk surat jualan bagi membolehkan ianya dijual. Antara lain anda sepatutnya mempunyai kebolehan dalam memahami bahasa pengaturcaraan yang mudah seperti membuat html, xhtml, script dan sebagainya. Ini penting supaya anda boleh maintain sendiri laman web anda tanpa perlu mengupah pereka web yang biasanya mengenakan bayaran yang tinggi. Click disini untuk baca keperluan seorang internet marketer <http://tinyurl.com/2rdqv5>

Panduan Membuat Ebook Team Gempaq

Selain itu penggunaan affiliate dan auto responder juga sangat penting. Affiliate program sangat penting bagi menghasilkan jualan yang tinggi. Anda bukannya Dr Irfan atau Smartusaha yang telah begitu terkenal dalam dunia internet tempatan. Yang mana laman web mereka dikunjungi ribuan orang setiap hari. Sebaiknya anda menggunakan affiliate bagi membolehkan orang lain mempromosikan produk yang dijual.

Dengan adanya affiliate anda tidak akan keseorangan dalam mempromosikan produk anda. Untuk autoresponder pula adalah salah satu yang terpenting dalam sesebuah laman web atau pun blog. Ini bagi memudahkan anda untuk berhubung terus dengan pelawat laman anda pada masa akan datang. Secara seriusnya satu istilah yang di guna pakai hingga masa kini adalah **The List Is The Money**. Ini adalah salah satu cara jualan dan cara untuk memberitahu info info berkaitan produk anda kepada pelawat laman anda. Jika dilihat kadangkala pelawat tidak mempunyai banyak masa untuk melawat laman anda sedangkan mereka tahu yang laman anda menyediakan penyelesaian kepada masalah mereka. Maka dengan meninggalkan email mereka didalam sistem database anda mereka tidak perlu risau untuk meninggalkan laman anda kerana mereka tahu yang anda akan menghubungi mereka kelak.

List yang dimaksudkan adalah email pelawat laman web anda ini. Kebiasaan mereka tidak akan terus membuat pembelian dilaman anda pada email pertama atau kedua. Kajian menunjukkan bahawa kebiasaannya mereka akan mula membuat pembelian setelah email ke lima atau keenam anda hantarkan kepada mereka. Ini terjadi kerana anda telah dapat menyakinkan mereka. Kebiasaannya anda tidak

Panduan Membuat Ebook Team Gempaq

semestinya perlu menjual barang kepada mereka untuk pertama kali. Tetapi sebaliknya suap mereka dulu dengan beberapa barangan percuma. Contohnya ebook ini boleh anda berikan secara percuma kepada mereka. Tetapkan matlamat anda untuk menawan hati pembaca anda.

Antara barangan percuma yang sangat mendapat perhatian adalah barangan berkaitan google adsense, forex, cara membuat perniagaan internet dan sebagainya... selain itu seperti ebook ini juga saya memberi beberapa software percuma dan yang paling berharga adalah memberi Adsense Plugin percuma. Ianya sangat berguna kepada sesiapa saja yang mahu membuat keuntungan melalui adsense.

Untuk anda yang mahu membina laman web yang lengkap dengan system autoresponder dan affiliate program saya sarankan untuk membeli dari usahaniaga. Laman ini ada menyediakan templates percuma untuk membina laman web dan memberi system autoresponder serta juga dengan affiliate program. Anda dibekalkan dengan beberapa software percuma dan akan diajar cara untuk melakukan setting terhadap file yang perlu anda upload kedalam hosting anda.

Anda boleh mendapatkannya disini

<http://tinyurl.com/34cwnu>

Hosting Pilihan

<http://tinyurl.com/27yto9>

Bonus : Adsense templates dan plugin diberi percuma sekali diruangan download yang telah disediakan.

Panduan Membuat Ebook Team Gempaq

Notis : Ebook ini telah ditulis oleh Azham Zanal dari Team Gempaq. Anda Adalah dilarang untuk menjualkannya, ianya diberi secara percuma dan boleh didownload di <http://gempaq.blogmas.com>. Jika anda telah ditipu dan diminta untuk membayarnya sila adukan kepada teamgempaq@yahoo.com dan kami akan mengambil tindakan sewajarnya.